



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

**S.A. 2018/12/87 (HQ)**

### **EMPAT WARGA KERJA TNB SELAMAT DITEMUI**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengucapkan terima kasih kepada pasukan penyelamat yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) , Pasukan Bomba dan Penyelamat, penduduk kampung serta pihak lain yang terlibat dalam usaha mencari dan menyelamatkan empat warga kerjanya yang sesat di Hutan Simpan Mizan, Felda Mengkawan.

Mangsa, dari unit Talian Atas Zon Timur Dungun, tersesat kira-kira 16 jam dalam perjalanan keluar selepas membuat pemeriksaan di menara TNB.

Mereka adalah Nor Muslim Mohd Dom, 51 tahun; Mohd Amirul Ismail, 30; Muhammad Syazwan Wahab, 30 dan Ahmad Khairi Azman Mohamed, 29.

Nor Muslim ditemui selamat pada jam 9.40 pagi tadi manakala kesemua tiga lagi rakannya jam 10.35 pagi.

Nur Muslim telah dihantar ke Hospital Hulu Terengganu untuk pemeriksaan dan dibenarkan pulang manakala yang lain tidak diperlukan pemeriksaan atau rawatan lanjut.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Disember 2018, jam 4.30 petang**

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*